

POLISI DAN PERATURAN KENDERAAN PELAJAR DI ADTEC BATU PAHAT

1. Pelajar yang dibenarkan membawa kenderaan bermotor ke Institut adalah tertakluk kepada Peraturan Am atau Arahan dari Pihak Berkuasa Institut.
2. Kenderaan hendaklah dipandu tidak melebihi had laju yang ditetapkan di dalam kawasan Institut.
3. Kenderaan bermotor persendirian hendaklah **didaftarkan** dan mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Institut.
4. Semua kenderaan bermotor yang digunakan untuk keluar masuk Institut mestilah **mempamerkan pelekat kenderaan** yang sah yang dikeluarkan oleh Institut.
5. Pihak Berkuasa Institut **tidak bertanggungjawab** ke atas kenderaan yang rosak atau hilang di dalam kawasan institut.
6. Semua kenderaan yang digunakan mestilah berada di dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.
7. Pelajar yang menggunakan kenderaan bermotor perlu mematuhi peraturan yang berikut:
 - i. **Mempunyai lesen memandu, cukai jalan dan insuran yang sah;**
 - ii. **Menggunakan kenderaan bermotor yang tidak mengeluarkan bunyi bising yang kuat atau yang diubahsuai**
 - iii. **Bertimbangrasa terhadap pejalan kaki; dan**
 - iv. **Mematuhi semua peraturan keselamatan jalanraya seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).**
8. Semua kenderaan hendaklah diletakkan di tempat yang dikhaskan dan disusun dengan teratur. Pelajar tidak dibenarkan meletak kenderaan mereka di tempat yang dikhaskan untuk Pegawai dan Kakitangan dan kawasan asrama.
9. Tempat letak kereta dan laluan yang **TIDAK DIBENARKAN MASUK 24 JAM** dan juga pada hari minggu dan cuti Am.
 - i. **Petak letak kereta staf (hadapan Surau An-Nur)**
 - ii. **Tempat Letak kereta kawasan Bangunan Latihan**
 - iii. **Tempat Letak kereta kawasan Asrama**
 - iv. **Tempat Letak kereta kawasan Kuarters**
 - v. **Petak Khas kakitangan**
10. Pelajar perlu memberi kerjasama kepada pengawal keselamatan dan kakitangan ADTEC sekiranya pemeriksaan kenderaan dilakukan pada bila-bila masa.

11. Pelajar hanya dibenarkan meletak kenderaan di kawasan yang dikhaskan untuk pelajar sahaja. (Berhadapan dewan Sri Intan).

12. Pelajar yang didapati melanggar peraturan kenderaan pelajar di ADTEC Batu Pahat boleh **DITARIK KEMUDAHAN** dari membawa dan letak (*parking*) kenderaan dalam kawasan institut. Antara kesalahan pelajar adalah seperti berikut :
 - i. Pelajar pulang lewat ke ADTEC BP tanpa sebab yang munasabah.
 - ii. Pelajar yang menumpang kenderaan tidak turun kenderaan untuk imbas (*scan*) Kad Pelajar di pondok pengawal (hanya wakil sahaja)
 - iii. Pelajar letak (*parking*) kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan.
 - iv. Pelajar hanya memakai selipar ketika berurusan di pondok pengawal.
 - v. Pelajar tidak menjaga sahsiah samada tingkah laku atau percakapan semasa berurusan keluar masuk kenderaan dengan kakitangan ADTEC BP dan pengawal keselamatan

13. Setiap permohonan meletak kenderaan perlu melalui **Bahagian BPPL, ADTEC Batu Pahat**.



SIMBOL	PETUNJUK
_____	Tempat letak kenderaan dan laluan yang TIDAK DIBENARKAN MASUK 24 JAM dan juga pada hari minggu dan cuti Am.
_____	Tempat letak kenderaan pelajar yang dikhaskan dengan <i>stiker</i> .

Arahan Pihak Berkuasa Institut

Tarikh Kemaskini

1 OGOS 2023